

D.R. 41/2023

**RANG UNDANG-UNDANG KEKEBALAN BIDANG KUASA
NEGARA ASING 2023**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Ketidakpakaian Akta
3. Undang-undang yang terpakai
4. Tafsiran

BAHAGIAN II

KEKEBALAN BIDANG KUASA NEGARA ASING

Bab I

Kekebalan am daripada bidang kuasa

5. Kekebalan Negara asing
6. Prosiding terhadap Negara asing, ketua Negara dan ketua Kerajaan

Bab II

Penepian kekebalan

7. Penepian kekebalan

Bab III

Had kekebalan daripada bidang kuasa

8. Had kekebalan dalam prosiding yang timbul daripada transaksi komersial

Fasal

9. Had kekebalan dalam prosiding yang berhubungan dengan kontrak kerja
10. Had kekebalan dalam prosiding yang berhubungan dengan tuntutan kecederaan diri, dsb.
11. Had kekebalan dalam prosiding yang berhubungan dengan penentuan hak, dsb., terhadap harta
12. Had kekebalan dalam prosiding yang berhubungan dengan harta intelek, dsb.
13. Had kekebalan dalam prosiding yang berhubungan dengan penyertaan dalam syarikat, dsb.
14. Had kekebalan dalam prosiding yang berhubungan dengan kapal yang dimiliki atau dikendalikan oleh Negara asing
15. Had kekebalan dalam prosiding yang berhubungan dengan mendapatkan balik cukai
16. Had kekebalan jika ada perjanjian mengenai timbang tara

BAHAGIAN III

KEKEBALAN DARIPADA TINDAKAN ATAU PENGHAKIMAN TERHADAP
HARTA NEGARA ASING

17. Tindakan praperbicaraan terhadap harta Negara asing
18. Penguatkuasaan penghakiman dan perintah terhadap harta Negara asing
19. Kesan persetujuan kepada bidang kuasa bagi tindakan praperbicaraan atau penguatkuasaan penghakiman dan perintah terhadap harta Negara asing

BAHAGIAN IV

MAJLIS KEKEBALAN NEGARA ASING

20. Penubuhan Majlis Kekebalan Negara Asing
21. Fungsi Majlis
22. Kuasa Majlis
23. Keanggotaan Majlis
24. Mesyuarat
25. Tatacara mesyuarat
26. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

Fasal

27. Majlis boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat
28. Tatacara
29. Setiausaha Majlis

BAHAGIAN V

LAYANAN SALINGAN

30. Penarikan balik kekebalan Negara asing apabila tiada layanan salingan

BAHAGIAN VI

AM

31. Prosiding mahkamah
32. Kuasa untuk mengecualikan
33. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi kekebalan Negara asing dan hartanya, ketua Negara dan ketua Kerajaan Negara asing daripada bidang kuasa mahkamah Malaysia; hal keadaan bagi penepian kekebalan; had kekebalan; penubuhan Majlis Kekebalan Negara Asing; penarikan balik kekebalan apabila tiada layanan salingan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Perdana Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Ketidapkakaian Akta**2. Akta ini tidak terpakai bagi—**

- (a) prosiding yang tertakluk kepada Akta Angkatan Pelawat 1960 [*Akta 432*]; dan
- (b) prosiding jenayah.

Undang-undang yang terpakai

3. Peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan misi diplomatik, jawatan konsular, misi khas, misi organisasi antarabangsa, agen, atau delegasi organ organisasi antarabangsa atau kepada persidangan antarabangsa.

Tafsiran

4. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ketua Kerajaan” ertinya seseorang yang mengetuai kabinet atau apa-apa badan yang serupa sifatnya bagi sesuatu Negara asing;

“ketua Negara” ertinya seseorang yang memegang jawatan rasmi tertinggi dalam sesuatu Negara asing;

“mahkamah” ertinya mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang kompeten di Malaysia;

“Majlis” ertinya Majlis Kekebalan Negara Asing yang ditubuhkan di bawah seksyen 20;

“Negara asing” ertinya mana-mana negara atau wilayah di luar Malaysia, dan termasuklah—

- (a) suatu jabatan atau pelbagai organ kerajaan sesuatu Negara asing;

- (b) suatu unit keanggotaan persekutuan Negara asing atau subbahagian politik Negara asing itu; dan
- (c) agensi, badan atau entiti lain sesuatu Negara asing yang ditubuhkan di bawah suatu undang-undang bertulis atau sebaliknya oleh Negara asing itu;

“transaksi komersial” ertinya—

- (a) apa-apa kontrak atau transaksi komersial bagi penjualan barang atau pembekalan perkhidmatan;
- (b) apa-apa kontrak bagi suatu pinjaman atau transaksi lain yang bersifat kewangan, termasuk apa-apa obligasi jaminan atau tanggung rugi berkenaan dengan apa-apa pinjaman atau transaksi itu; dan
- (c) apa-apa kontrak atau transaksi yang bersifat komersial, perindustrian, perdagangan atau profesional yang lain, tetapi tidak termasuk suatu kontrak kerja.

BAHAGIAN II

KEKEBALAN BIDANG KUASA NEGARA ASING

Bab I

Kekebalan am daripada bidang kuasa

Kekebalan Negara asing

5. Tertakluk kepada Bab II dan III Bahagian ini dan Bahagian III,—

- (a) sesuatu Negara asing berkenaan dengan dirinya sendiri atas kapasiti rasminya dan hartanya;
- (b) seseorang ketua Negara atas kapasiti rasminya; dan
- (c) seseorang ketua Kerajaan atas kapasiti rasminya,

hendaklah menikmati kekebalan daripada bidang kuasa mahkamah dan tiada prosiding boleh dimulakan terhadap mereka oleh mana-mana pihak.

Prosiding terhadap Negara asing, ketua Negara dan ketua Kerajaan

6. (1) Sesuatu prosiding di hadapan mana-mana mahkamah hendaklah disifatkan telah dimulakan terhadap sesuatu Negara asing dan hartanya, jika Negara asing itu dan hartanya—

- (a) dinamakan sebagai pihak kepada prosiding itu; atau
- (b) tidak dinamakan sebagai pihak kepada prosiding tetapi prosiding itu memberikan kesan yang menyentuh harta, hak, kepentingan atau aktiviti Negara asing itu.

(2) Sesuatu prosiding di hadapan mana-mana mahkamah hendaklah disifatkan telah dimulakan terhadap seseorang ketua Negara atau seseorang ketua Kerajaan jika ketua Negara atau ketua Kerajaan itu dinamakan sebagai pihak kepada prosiding itu.

Bab II*Penepian kekebalan***Penepian kekebalan**

7. (1) Sesuatu Negara asing, seseorang ketua Negara dan seseorang ketua Kerajaan hendaklah disifatkan telah mengetepikan kekebalan mereka daripada bidang kuasa mahkamah jika mana-mana daripada mereka—

- (a) telah secara nyata bersetuju dengan penjalanan bidang kuasa mahkamah;
- (b) telah patuh kepada bidang kuasa mahkamah;
- (c) telah memulakan, mencelah atau mengambil apa-apa langkah dalam prosiding mahkamah; atau
- (d) telah memfailkan apa-apa tuntutan balas yang timbul daripada hubungan di sisi undang-undang atau fakta yang sama dengan tuntutan prinsipal dalam mana-mana mahkamah.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), sesuatu Negara asing, seseorang ketua Negara dan seseorang ketua Kerajaan tidak disifatkan telah mengetepikan kekebalan mereka daripada bidang kuasa mahkamah jika—

(a) Negara asing, ketua Negara dan ketua Kerajaan itu, memasukkan kehadiran, mencelah atau mengambil apa-apa langkah lain dalam sesuatu prosiding di hadapan mahkamah hanya bagi maksud—

(i) memohon kekebalan; atau

(ii) menuntut hak atau kepentingan dalam harta yang menjadi isu dalam prosiding; dan

(b) Negara asing itu atau wakilnya, ketua Negara atau ketua Kerajaan itu hadir sebagai saksi dalam mana-mana mahkamah.

(3) Bagi maksud perenggan 1(a), mana-mana peruntukan dalam perjanjian yang dibuat oleh sesuatu Negara asing, seseorang ketua Negara atau seseorang ketua Kerajaan yang memperuntukkan bahawa perjanjian itu hendaklah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia tidak boleh ditafsirkan sebagai persetujuan kepada penjalanan bidang kuasa mahkamah.

Bab III

Had kekebalan daripada bidang kuasa

Had kekebalan dalam prosiding yang timbul daripada transaksi komersial

8. (1) Sesuatu Negara asing tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam apa-apa prosiding yang timbul daripada transaksi komersial yang dijalankan oleh Negara asing itu dengan mana-mana orang di Malaysia.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), kekebalan yang dinikmati oleh Negara asing tidak terjejas jika—

(a) pihak-pihak kepada transaksi komersial itu telah secara nyata bersetuju bahawa Negara asing itu tidak tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah; dan

(b) transaksi komersial itu adalah antara Negara asing.

(3) Jika sesuatu perusahaan Negara asing atau entiti lain yang ditubuhkan oleh sesuatu Negara asing yang mempunyai keperibadian undang-undang yang bebas dan berupaya untuk—

- (a) membawa guaman atau dibawa guaman; dan
- (b) memperoleh, memiliki atau memegang dan melupuskan harta, termasuk harta yang Negara asing itu telah memberikan kebenaran kepadanya untuk mengendalikan atau menguruskan,

terlibat dalam suatu prosiding yang berhubungan dengan transaksi komersial yang entiti itu terlibat, kekebalan yang dinikmati oleh Negara asing itu tidak terjejas.

(4) Seseorang Ketua Negara dan ketua Kerajaan tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam apa-apa prosiding yang timbul daripada transaksi komersial yang dijalankan olehnya dengan mana-mana orang di Malaysia dalam kapasiti peribadinya.

Had kekebalan dalam prosiding yang berhubungan dengan kontrak kerja

9. (1) Sesuatu Negara asing tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan kontrak kerja antara Negara asing dengan orang perseorangan bagi apa-apa kerja yang dilaksanakan atau akan dilaksanakan, secara keseluruhan atau sebahagiannya, di Malaysia.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), kekebalan yang dinikmati oleh Negara asing itu tidak terjejas jika—

- (a) pekerja itu telah direkrut untuk melaksanakan fungsi tertentu dalam penjalanan kuasa kerajaan Negara asing itu;
- (b) pekerja itu merupakan—
 - (i) agen diplomatik atau pegawai konsular masing-masing sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 [*Akta 636*] dan Akta Hubungan Konsular (Konvensyen Vienna) 1999 [*Akta 595*];

- (ii) anggota kakitangan diplomatik sesuatu misi tetap kepada organisasi antarabangsa atau misi khas, atau yang direkrut untuk mewakili Negara asing di persidangan antarabangsa; atau
- (iii) mana-mana orang yang menikmati kekebalan diplomatik;
- (c) hal perkara prosiding itu merupakan perekrutan, pembaharuan kerja atau pengembalian kerja seseorang individu;
- (d) hal perkara prosiding itu merupakan pemberhentian atau penamatan kerja seseorang individu dan, sebagaimana yang ditentukan oleh ketua Negara, ketua Kerajaan atau Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bagi majikan Negara asing itu, prosiding itu akan mengganggu kepentingan keselamatan Negara asing itu;
- (e) pada masa prosiding itu dimulakan, pekerja itu merupakan warganegara majikan Negara asing itu melainkan jika pekerja itu merupakan pemastautin tetap Malaysia; atau
- (f) majikan Negara asing itu dan pekerja itu telah bersetuju secara bertulis bahawa kekebalan yang dinikmati oleh Negara asing itu tidak terjejas, tertakluk kepada apa-apa dasar awam yang memberikan bidang kuasa mahkamah atas sebab hal perkara prosiding itu.

(3) Seseorang Ketua Negara dan ketua Kerajaan tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam apa-apa prosiding yang berhubungan dengan kontrak kerja dengan mana-mana orang di Malaysia dalam kapasiti peribadinya.

Had kekebalan dalam prosiding yang berhubungan dengan tuntutan kecederaan diri, dsb.

10. Sesuatu Negara asing, seseorang ketua Negara dan seseorang ketua Kerajaan tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan—

- (a) apa-apa kematian atau kecederaan diri; atau
- (b) apa-apa kerosakan kepada harta,

yang berlaku di Malaysia.

Had kekebalan dalam prosiding yang berhubungan dengan penentuan hak, dsb., terhadap harta

11. Sesuatu Negara asing tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam mana-mana prosiding untuk menentukan—

- (a) apa-apa hak, kepentingan atau obligasi Negara asing itu dalam harta tidak alih yang berada di Malaysia;
- (b) apa-apa hak, kepentingan atau obligasi Negara asing dalam harta alih atau tidak alih yang timbul daripada pewarisan, hadiah atau *bona vacantia*; atau
- (c) apa-apa hak, kepentingan atau obligasi Negara asing dalam pentadbiran harta seperti harta amanah, estet seorang bankrap atau harta syarikat apabila syarikat itu digulung.

Had kekebalan dalam prosiding yang berhubungan dengan harta intelek, dsb.

12. Sesuatu Negara asing tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan—

- (a) penentuan apa-apa hak Negara asing dalam sesuatu paten, reka bentuk industri, nama dagang atau nama perniagaan, cap dagang, hak cipta, petunjuk geografi, reka bentuk susun atur litar bersepadu atau apa-apa bentuk lain harta intelek atau industri; atau
- (b) suatu dakwaan pelanggaran oleh Negara asing, terhadap hak daripada jenis yang disebut dalam perenggan (a) yang dimiliki oleh pihak ketiga dan dilindungi, didaftarkan atau diberikan di Malaysia.

Had kekebalan dalam prosiding yang berhubungan dengan penyertaan dalam syarikat, dsb.

13. (1) Sesuatu Negara asing tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan penyertaannya dalam sesuatu syarikat atau badan kolektif yang lain, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan, yang merupakan prosiding berkenaan dengan hubungan antara Negara asing itu dengan syarikat atau badan kolektif lain itu atau peserta lain dalam syarikat atau badan kolektif itu, dengan syarat syarikat atau badan kolektif lain itu—

- (a) mempunyai peserta selain Negara asing itu atau organisasi antarabangsa; dan
- (b) diperbadankan atau ditubuhkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah undang-undang Malaysia atau mempunyai alamat berdaftar atau tempat perniagaan utamanya di Malaysia.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), kekebalan yang dinikmati oleh Negara asing itu tidak terjejas jika Negara asing itu dan pihak-pihak kepada pertikaian telah bersetuju untuk tidak tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah atau surat cara yang menubuhkan atau mengawal selia syarikat atau badan kolektif itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengandungi peruntukan yang memberikan kesan sedemikian.

Had Kekebalan dalam prosiding yang berhubungan dengan kapal yang dimiliki atau dikendalikan oleh Negara asing

14. (1) Sesuatu Negara asing tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam apa-apa prosiding yang berhubungan dengan—

- (a) pengendalian kapal yang dimiliki atau dikendalikan oleh Negara asing itu; dan
- (b) pengangkutan kargo di atas kapal yang dimiliki atau dikendalikan oleh Negara asing itu,

jika pada masa kausa tindakan berbangkit, kapal itu digunakan selain bagi maksud bukan komersial kerajaan.

(2) Sesuatu Negara asing boleh membuat pli semua langkah pembelaan, preskripsi dan batas liabiliti yang terpakai bagi kapal dan kargo persendirian dan pemiliknya dalam prosiding yang disebut dalam subseksyen (1).

(3) Walau apa pun subseksyen (1), kekebalan bidang kuasa Negara asing tidak akan terjejas jika, pada masa itu, kapal atau kargo yang dipertikaikan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, merupakan —

- (a) suatu kapal perang atau tentera laut bantuan yang digunakan hanya bagi perkhidmatan bukan komersial kerajaan;
- (b) suatu kapal yang dimiliki atau dikendalikan oleh sesuatu Negara asing dan digunakan hanya bagi perkhidmatan bukan komersial kerajaan; atau
- (c) suatu kargo yang dibawa di atas kapal yang disebut dalam perenggan (a), atau suatu kargo yang dimiliki oleh Negara asing itu dan digunakan atau dihasratkan digunakan semata-mata bagi maksud bukan komersial kerajaan.

(4) Jika dalam sesuatu prosiding timbul persoalan yang berhubungan dengan sifat bukan komersial kerajaan bagi sesebuah kapal yang dimiliki atau dikendalikan oleh sesuatu Negara asing atau kargo yang dimiliki oleh Negara asing, suatu perakuan yang ditandatangani oleh wakil diplomatik atau pihak berkuasa yang berwibawa yang lain bagi Negara asing itu dan dikemukakan kepada mahkamah hendaklah menjadi keterangan mengenai sifat kapal atau kargo itu.

Had kekebalan dalam prosiding yang berhubungan dengan mendapatkan balik cukai

15. (1) Sesuatu Negara asing, seseorang ketua Negara dan seseorang ketua Kerajaan tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam apa-apa prosiding yang berhubungan dengan mendapatkan balik cukai yang dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “cukai” termasuklah apa-apa caj, duti, eksais, ses, dues atau impos wajib yang lain yang dikenakan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Had kekebalan jika ada perjanjian mengenai timbang tara

16. Jika wujud suatu perjanjian antara sesuatu Negara asing, seseorang ketua Negara atau seseorang ketua Kerajaan dengan mana-mana orang untuk mengemukakan kepada timbang tara di Malaysia apa-apa pertikaian yang berhubungan dengan transaksi komersial, Negara asing, ketua Negara atau ketua Kerajaan itu tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan—

- (a) kesahan, tafsiran atau pemakaian perjanjian timbang tara;
- (b) tatacara timbang tara; atau
- (c) pengesahan atau mengetepikan award.

BAHAGIAN III

KEKEBALAN DARIPADA TINDAKAN ATAU PENGHAKIMAN TERHADAP HARTA NEGARA ASING

Tindakan praperbicaraan terhadap harta Negara asing

17. Tiada tindakan praperbicaraan boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan terhadap harta sesuatu Negara asing di hadapan mana-mana mahkamah melainkan jika—

- (a) Negara asing itu telah secara nyata bersetuju dengan pengambilan tindakan itu sebagaimana yang diperuntukkan—
 - (i) dalam suatu perjanjian antarabangsa;
 - (ii) dalam suatu perjanjian timbang tara atau dalam suatu kontrak bertulis; atau
 - (iii) dalam suatu perisytiharan di hadapan mahkamah atau dalam suatu komunikasi bertulis selepas pertikaian antara pihak-pihak timbul; atau

- (b) Negara asing itu telah memperuntukkan harta itu bagi menunaikan tuntutan yang menjadi matlamat prosiding itu.

Penguatkuasaan penghakiman dan perintah terhadap harta Negara asing

18. (1) Tiada penguatkuasaan penghakiman dan perintah boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan terhadap harta sesuatu Negara asing di hadapan mana-mana mahkamah melainkan jika—

- (a) Negara asing itu telah secara nyata bersetuju dengan pengambilan langkah itu sebagaimana yang diperuntukkan—
 - (i) dalam suatu perjanjian antarabangsa;
 - (ii) dalam suatu perjanjian timbang tara atau dalam suatu kontrak bertulis; atau
 - (iii) dalam suatu perisytiharan di hadapan mahkamah atau dalam suatu komunikasi bertulis selepas pertikaian antara pihak-pihak timbul;
- (b) Negara asing itu telah memperuntukkan harta itu bagi menunaikan tuntutan yang menjadi matlamat prosiding itu; atau
- (c) telah pun dipastikan bahawa harta itu secara khususnya telah digunakan atau dihasratkan untuk digunakan oleh Negara asing selain bagi maksud bukan komersial kerajaan dan terletak di Malaysia.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(c), harta yang berikut tidak disifatkan sebagai harta yang secara khususnya telah digunakan atau dihasratkan untuk digunakan oleh Negara asing selain bagi maksud bukan komersial kerajaan:

- (a) harta, termasuk apa-apa akaun bank, yang digunakan atau dihasratkan untuk digunakan dalam pelaksanaan fungsi misi diplomatik Negara asing itu atau jawatan konsularnya, misi khas, misi kepada organisasi antarabangsa atau delegasi organ organisasi antarabangsa atau kepada persidangan antarabangsa;

- (b) harta bersifat ketenteraan atau digunakan atau dihasratkan untuk digunakan dalam pelaksanaan fungsi ketenteraan;
- (c) harta bank pusat atau pihak berkuasa kewangan lain Negara asing itu;
- (d) harta yang merupakan sebahagian daripada warisan kebudayaan Negara asing itu atau sebahagian daripada arkibnya dan tidak diletakkan atau dihasratkan untuk diletakkan untuk jualan; dan
- (e) harta yang merupakan sebahagian daripada pameran objek saintifik, kebudayaan atau kepentingan sejarah dan tidak diletakkan atau dihasratkan untuk diletakkan untuk jualan.

Kesan persetujuan kepada bidang kuasa bagi tindakan praperbicaraan atau penguatkuasaan penghakiman dan perintah terhadap harta Negara asing

19. Persetujuan terhadap penjalanan bidang kuasa di bawah perenggan 7(1)(a) tidak boleh disifatkan sebagai persetujuan kepada pengambilan tindakan atau penguatkuasaan penghakiman dan perintah masing-masing di bawah seksyen 17 dan 18.

BAHAGIAN IV

MAJLIS KEKEBALAN NEGARA ASING

Penubuhan Majlis Kekebalan Negara Asing

20. Suatu majlis dengan nama Majlis Kekebalan Negara Asing ditubuhkan.

Fungsi Majlis

21. Majlis hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menimbang teliti dan memutuskan semua perkara berkenaan dengan kekebalan Negara asing yang timbul daripada pelaksanaan Akta ini;

- (b) untuk mengeluarkan dasar, garis panduan dan surat arahan kepada agensi Kerajaan bagi maksud Akta ini;
- (c) untuk mengawasi pelaksanaan dasar, garis panduan dan surat arahan oleh agensi Kerajaan mengenai perkara yang berhubungan dengan pelaksanaan Akta ini; dan
- (d) untuk melakukan apa-apa perkara lain yang timbul atau berbangkit daripada fungsi Majlis di bawah Akta ini yang konsisten dengan maksud Akta ini.

Kuasa Majlis

22. Majlis hendaklah mempunyai kuasa dan boleh melakukan segala perkara yang perlu bagi atau berkaitan dengan atau bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini termasuk—

- (a) untuk memperakui secara bertulis apa-apa fakta yang berhubungan dengan persoalan sama ada sesuatu negara atau seseorang, mengikut mana-mana yang berkenaan, ialah sesuatu Negara asing, seseorang ketua Negara atau seseorang ketua Kerajaan mengikut pengertian Akta ini;
- (b) untuk memperakui secara bertulis apa-apa perkara yang berhubungan dengan kekebalan Negara asing;
- (c) untuk mengawal dan menyelaras agensi Kerajaan yang berhubungan dengan penyampaian apa-apa kertas kausa atau dokumen lain yang timbul daripada mana-mana prosiding; dan
- (d) untuk melantik apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu dan suai manfaat oleh Majlis untuk membantu Majlis dalam melaksanakan mana-mana fungsinya dan dalam penjalanan kuasanya.

Keanggotaan Majlis

23. Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Perdana Menteri sebagai Pengerusi;

- (b) Timbalan Perdana Menteri sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi undang-undang;
- (d) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal luar negeri;
- (e) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pelaburan, perdagangan dan industri;
- (f) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;
- (g) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal dalam negeri;
- (h) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi sumber manusia;
- (i) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;
- (j) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pertahanan;
- (k) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi perdagangan dalam negeri;
- (l) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi tanah; dan
- (m) Ketua Setiausaha Negara.

Mesyuarat

24. (1) Majlis hendaklah mengadakan mesyuaratnya seberapa kerap yang perlu.

(2) Mesyuarat hendaklah diadakan pada masa dan di tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

(3) Pengerusi boleh membenarkan penggunaan suatu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain bagi maksud apa-apa mesyuarat Majlis.

Tatacara mesyuarat

25. (1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis.

(2) Jika Pengerusi tidak hadir pada mana-mana mesyuarat Majlis, dia boleh melantik Timbalan Pengerusi untuk menggantikannya sebagai pengerusi mesyuarat itu atau, dalam ketidakhadiran Timbalan Pengerusi, mana-mana anggota Majlis yang lain, untuk menggantikannya sebagai pengerusi mesyuarat itu.

(3) Kuorum Majlis ialah tujuh termasuk pengerusi mesyuarat.

(4) Tiap-tiap anggota Majlis yang hadir berhak mendapat satu undi dan jika mengenai sesuatu persoalan untuk ditentukan oleh Majlis terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

26. (1) Timbalan Pengerusi hendaklah bertindak sebagai Pengerusi selama tempoh apabila—

(a) jawatan Pengerusi kosong;

(b) Pengerusi tidak hadir bertugas atau tidak berada di Malaysia; atau

(c) Pengerusi, atas apa-apa sebab lain, tidak dapat menjalankan fungsinya.

(2) Timbalan Pengerusi hendaklah, dalam tempoh dia menjalankan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

Majlis boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

27. Majlis boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota Majlis untuk menghadiri mesyuaratnya bagi menasihati Majlis mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.

Tatacara

28. Tertakluk pada Akta ini, Majlis boleh menentukan tatacaranya sendiri.

Setiausaha Majlis

29. (1) Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri hendaklah menjadi Setiausaha Majlis.

(2) Setiausaha hendaklah bertanggungjawab—

(a) bagi keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal harian Majlis; dan

(b) bagi penjalanan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis.

(3) Setiausaha hendaklah, dalam menjalankan tanggungjawabnya, bertindak di bawah arahan Majlis.

BAHAGIAN V

LAYANAN SALINGAN

Penarikan balik kekebalan Negara asing apabila tiada layanan salingan

30. Jika Perdana Menteri berpuas hati bahawa Malaysia tidak menerima, dalam mana-mana Negara asing, apa-apa kekebalan yang bersamaan dengan yang diberikan oleh Malaysia di bawah Akta ini, Perdana Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menarik balik semua atau mana-mana kekebalan di bawah Akta ini terhadap Negara asing itu.

BAHAGIAN VI

AM

Prosiding mahkamah

31. Semua prosiding melibatkan mana-mana Negara asing dan hartanya, ketua Negara dan ketua Kerajaan hendaklah dijalankan mengikut kaedah-kaedah Mahkamah yang terpakai di Malaysia.

Kuasa untuk mengecualikan

32. Perdana Menteri boleh, melalui perintah dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana Negara asing daripada mana-mana peruntukan Akta ini tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk dikenakan.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

33. (1) Perdana Menteri boleh membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang suai manfaat atau perlu bagi memberikan kuat kuasa sepenuhnya atau melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1), Perdana Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi perkara yang berikut:

- (a) untuk menetapkan cara bagi permohonan perakuan atau dokumen dan pengeluaran apa-apa perakuan rasmi atau dokumen yang berhubungan dengan kekebalan sesuatu Negara asing; dan
- (b) untuk menetapkan cara atau tatacara komunikasi dengan Negara asing yang berhubungan dengan kekebalan sesuatu Negara asing.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengawal selia kekebalan yang diberikan kepada sesuatu Negara asing dan hartanya, seseorang ketua Negara dan seseorang ketua Kerajaan sesuatu Negara asing daripada bidang kuasa mahkamah Malaysia. Kekebalan yang diberikan adalah tertakluk kepada had tertentu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta yang dicadangkan. Akta yang dicadangkan ini juga memperuntukkan bahawa kekebalan sesuatu Negara asing itu akan ditarik balik apabila tiada layanan salingan diterima oleh Malaysia.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang perkara permulaan.

3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan bertujuan untuk memberi Perdana Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

4. *Fasal 2* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi ketidakpakaian Akta yang dicadangkan kepada prosiding yang tertakluk kepada Akta Angkatan Pelawat 1960 [*Akta 432*] dan prosiding jenayah.

5. *Fasal 3* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Akta yang dicadangkan hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan misi diplomatik, jawatan konsular, misi khas, misi organisasi antarabangsa, agen, atau delegasi organ organisasi antarabangsa atau kepada persidangan antarabangsa.

6. *Fasal 4* mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

7. Bahagian II Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang peruntukan yang berhubungan dengan kekebalan sesuatu Negara asing dan hartanya, seseorang ketua Negara dan seseorang ketua Kerajaan, penepian kekebalan dan had kekebalan.

8. *Fasal 5* bertujuan untuk menjamin kekebalan sesuatu Negara asing dan hartanya, seseorang ketua Negara dan seseorang ketua Kerajaan daripada bidang kuasa mahkamah melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Akta yang dicadangkan.

9. *Subfasal 6(1)* bertujuan untuk menjelaskan bahawa suatu prosiding di hadapan mana-mana mahkamah dianggap telah dimulakan terhadap sesuatu Negara asing dan hartanya jika Negara asing itu dan hartanya dinamakan sebagai suatu pihak kepada prosiding itu atau tidak dinamakan sebagai suatu pihak kepada prosiding tetapi prosiding itu memberikan kesan yang menyentuh harta, hak, kepentingan atau aktiviti Negara asing itu.

Begitu juga, *subfasal 6(2)* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah dianggap telah dimulakan terhadap seseorang ketua Negara atau seseorang ketua Kerajaan jika beliau dinamakan sebagai pihak kepada prosiding itu.

10. *Subfasal 7(1)* bertujuan untuk memperuntukkan empat keadaan apabila sesuatu Negara asing, seseorang ketua Negara dan seseorang ketua Kerajaan disifatkan telah mengetepikan kekebalannya iaitu jika mereka telah secara nyata bersetuju dengan penjalanan bidang kuasa mahkamah, patuh kepada bidang kuasa mahkamah, memulakan, mencelah atau mengambil apa-apa langkah lain dalam prosiding mahkamah atau memfailkan apa-apa tuntutan balas yang timbul daripada hubungan undang-undang yang sama dengan tuntutan prinsipal.

Sebaliknya, *subfasal 7(2)* bertujuan untuk memperuntukkan dua keadaan apabila sesuatu Negara asing, seseorang ketua Negara dan seseorang ketua Kerajaan tidak disifatkan telah mengetepikan kekebalannya iaitu jika mereka mengambil apa-apa langkah dalam prosiding bagi maksud memohon kekebalan atau menuntut hak atau kepentingan dalam harta yang menjadi isu dalam prosiding atau hadir sebagai saksi dalam mana-mana mahkamah.

Subfasal 7(3) bertujuan untuk memperuntukkan bahawa mana-mana peruntukan dalam perjanjian yang dibuat oleh sesuatu Negara asing, seseorang ketua Negara dan seseorang ketua Kerajaan yang memperuntukkan bahawa perjanjian itu hendaklah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia tidak boleh ditafsirkan sebagai persetujuan kepada penjalanan bidang kuasa mahkamah.

11. *Fasal 8* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sesuatu Negara asing, seseorang ketua Negara dan seseorang ketua Kerajaan tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam apa-apa prosiding yang timbul daripada transaksi komersial yang dijalankan oleh mereka dengan mana-mana orang di Malaysia.

12. *Fasal 9* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sesuatu Negara asing tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan kontrak kerja antara Negara asing dengan orang perseorangan bagi kerja yang dilaksanakan atau akan dilaksanakan, secara keseluruhan atau sebahagiannya, di Malaysia.

13. *Fasal 10* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sesuatu Negara asing, seseorang ketua Negara atau seseorang ketua Kerajaan tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan apa-apa kematian atau kecederaan diri atau apa-apa kerosakan kepada harta yang berlaku di Malaysia.

14. *Fasal 11* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sesuatu Negara asing tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam mana-mana prosiding untuk menentukan apa-apa hak, kepentingan atau obligasi Negara asing dalam harta tidak alih yang berada di Malaysia termasuklah harta yang timbul daripada pewarisan, hadiah atau *bona vacantia* atau harta amanah, aset seorang bankrap atau harta syarikat apabila syarikat itu digulung.

15. *Fasal 12* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sesuatu Negara asing tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan penentuan apa-apa hak sesuatu Negara asing dalam apa-apa bentuk harta intelek atau industri atau suatu dakwaan pelanggaran oleh Negara asing, terhadap hak apa-apa bentuk harta intelek atau industri yang dimiliki oleh pihak ketiga dan dilindungi, didaftarkan atau diberikan di Malaysia.

16. *Fasal 13* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sesuatu Negara asing tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan penyertaannya dalam sesuatu syarikat atau badan kolektif yang lain, yang merupakan prosiding berkenaan dengan hubungan antara Negara asing dengan syarikat atau badan kolektif itu.

17. *Fasal 14* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sesuatu Negara asing tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan pengendalian kapal yang dimiliki atau dikendalikan oleh Negara asing itu dan pengangkutan kargo di atas kapal yang dimiliki atau dikendalikan oleh Negara asing itu jika kapal itu digunakan selain bagi maksud bukan komersial kerajaan.

18. *Fasal 15* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sesuatu Negara asing tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan mendapatkan balik cukai yang berkuat kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

19. *Fasal 16* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa jika wujud suatu perjanjian antara sesuatu Negara asing, seseorang ketua Negara atau seseorang ketua Kerajaan dengan mana-mana orang untuk mengemukakan kepada timbang tara di Malaysia apa-apa pertikaian yang berhubungan dengan transaksi komersial, Negara asing, ketua Negara atau ketua Kerajaan itu tidak kebal daripada bidang kuasa mahkamah dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan kesahan, tafsiran atau pemakaian perjanjian timbang tara, tatacara timbang tara, atau pengesahan atau pengetepian award.

BAHAGIAN III

20. Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang peruntukan yang berhubungan dengan kekebalan daripada tindakan atau penghakiman terhadap harta sesuatu Negara asing.

21. *Fasal 17* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiada tindakan praperbicaraan boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan terhadap harta sesuatu Negara asing di hadapan mana-mana mahkamah melainkan jika Negara asing itu telah secara nyata bersetuju dengan pengambilan tindakan itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam suatu perjanjian antarabangsa, dalam suatu perjanjian timbang tara atau dalam suatu kontrak bertulis, atau dalam suatu perisytiharan di hadapan mahkamah atau dalam suatu komunikasi bertulis selepas pertikaian antara pihak-pihak timbul, atau Negara asing itu telah memperuntukkan harta itu bagi menunaikan tuntutan yang menjadi matlamat prosiding itu.

22. *Fasal 18* bertujuan untuk melarang penguatkuasaan penghakiman dan perintah terhadap harta sesuatu Negara asing melainkan jika Negara asing itu telah secara nyata bersetuju dengan pengambilan langkah itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam suatu perjanjian antarabangsa, dalam suatu perjanjian timbang tara atau dalam suatu kontrak bertulis, atau dalam suatu perisytiharan di hadapan mahkamah atau dalam suatu komunikasi bertulis selepas pertikaian antara pihak-pihak timbul, atau Negara asing itu telah memperuntukkan harta itu bagi menunaikan tuntutan yang menjadi matlamat prosiding itu, atau telah pun dipastikan bahawa harta itu secara khususnya telah digunakan atau dihasratkan untuk digunakan oleh Negara asing selain bagi maksud bukan komersial kerajaan dan terletak di Malaysia.

23. *Fasal 19* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa persetujuan kepada penjalanan bidang kuasa di bawah perenggan 7(1)(a) tidak boleh disifatkan sebagai persetujuan kepada pengambilan tindakan atau penguatkuasaan penghakiman dan perintah masing-masing di bawah seksyen 17 dan 18.

BAHAGIAN IV

24. Bahagian IV Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang penubuhan Majlis Kekebalan Negara Asing dan fungsi dan kuasanya.

25. *Fasal 20* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Kekebalan Negara Asing.

26. *Fasal 21* dan *22* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasa Majlis.

27. *Fasal 23* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi keanggotaan Majlis.

28. *Fasal 24* dan *25* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mesyuarat dan tatacara mesyuarat Majlis.

29. *Fasal 26* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Timbalan Pengerusi hendaklah bertindak sebagai Pengerusi apabila jawatan Pengerusi kosong, Pengerusi tidak hadir bertugas atau tidak berada di Malaysia, atau atas apa-apa sebab lain, tidak dapat menjalankan fungsinya.

30. *Fasal 27* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Majlis boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota Majlis untuk menghadiri mesyuaratnya bagi menasihati Majlis mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.

31. *Fasal 28* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tertakluk kepada Akta yang dicadangkan ini, Majlis boleh menentukan tatacaranya sendiri.

32. *Fasal 29* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri hendaklah menjadi Setiausaha Majlis dan hendaklah bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi Majlis.

BAHAGIAN V

33. Bahagian V Akta yang dicadangkan memperkatakan tentang peruntukan yang berhubungan dengan layanan salingan.

34. *Fasal 30* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Perdana Menteri boleh menarik balik semua atau mana-mana kekebalan di bawah Akta yang dicadangkan ini terhadap mana-mana Negara asing jika Perdana Menteri berpuas hati bahawa Malaysia tidak menerima apa-apa kekebalan yang bersamaan dengan yang diberikan oleh Malaysia di bawah Akta yang dicadangkan ini.

BAHAGIAN VI

35. Bahagian V Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan am.

36. *Fasal 31* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa semua prosiding melibatkan Negara asing dan hartanya, ketua Negara dan ketua Kerajaan hendaklah dijalankan mengikut kaedah-kaedah Mahkamah yang terpakai di Malaysia.

37. *Fasal 32* bertujuan untuk memberi Perdana Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana Negara asing daripada mana-mana peruntukan Akta yang dicadangkan.

38. *Fasal 33* bertujuan untuk memberi Perdana Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan di bawah Akta yang dicadangkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3330]